



Headline: Pemuda rugi RM19,998 ditipu Macau Scam

Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 29 March 2020

Section: Negeri
Page: 40

Pemuda rugi RM19,998 ditipu Macau Scam

KUANTAN - Seorang pemuda kerugian sebanyak RM19,998 apabila wang simpanannya lesap gara-gara panik selepas menerima panggilan yang mengaitkannya dengan aktiviti pengedaran dadah dan pengubahan wang haram kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendant Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa menerima panggilan daripada seorang lelaki yang mengaku sebagai pegawai mahkamah dan mendakwa mangsa mempunyai tunggakan kad kredit berjumlah RM10,180.72.

Namun mangsa menafikannya sebelum panggilan ‘disambungkan’ ke balai polis dan mangsa dimaklumkan terlibat pula dalam kes pengubahan wang haram dan penyeludupan dadah.

Beliau berkata, suspek mengaku dirinya pegawai polis dari Bukit Aman dan meminta mangsa memberikan kerjasama bagi membolehkan siasatan dilakukan dan meminta mangsa mematuhi semua arahan bagi menyelesaikan kes.

“Suspek kemudian meminta mangsa memindahkan wang dengan meminta kata nama dan kata laluan milik mangsa. Tanpa berfikir panjang, mangsa mengikuti permintaan itu sebelum mendapatkan wang berjumlah RM19,998 dalam akaunnya lesap,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.